

**PERUTUSAN  
DATUK JAMIL BIN SALLEH  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN  
BULAN APRIL 2015**

Alhamdulillah, segala puji dan syukur saya panjatkan kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita masih lagi diberi kesempatan dan kesihatan yang baik untuk terus menabur bakti demi negara tercinta.

Perkhidmatan awam pada masa kini sedang mengalami proses transformasi secara yang sangat signifikan bagi disesuaikan dengan kehendak dan perubahan dalam persekitaran semasa. Menerusi proses transformasi ini semua warga perkhidmatan awam telah dituntut untuk meningkatkan lagi produktiviti dan kualiti dalam perkhidmatan yang disampaikan kepada kumpulan sasaran.

Untuk itu, semua warga Team KBS diseru untuk mengamalkan konsep Merakyatkan Perkhidmatan Awam sebagaimana yang telah diperkenalkan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara berdasarkan enam (6) prinsip iaitu; Keterbukaan, Turun Padang, Musyawarah, Insaniah, Kekitaan, dan Kerjasama Awam-Swasta dan NGO bagi memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan awam.

*i. **KETERBUKAAN ‘Minda Terbuka, Mudah Didekati’.***

Sikap keterbukaan dan mudah didekati perlu dipupuk agar rakyat berasa selesa untuk berhubung dan berinteraksi dengan penjawat

awam. Sedia menerima idea dan kritikan membina dengan hati dan minda terbuka untuk menambahbaik penyampaian perkhidmatan awam sedia ada.

*ii. TURUN PADANG ‘Pasang Telinga, Buka Mata’.*

Jejak mesra Perkhidmatan Awam dengan mendekati rakyat secara pro-aktif. Ia adalah pendekatan berkesan untuk mengenal pasti isu-isu, mengetahui masalah dan keperluan rakyat, seterusnya, menyelesaikankannya dengan secepat mungkin.

*iii. MUSYAWARAH ‘Penglibatan, Penerangan dan Ekspektasi Jelas’.*

Pendekatan musyawarah mengambil kira pandangan, maklum balas dan penglibatan rakyat dalam mencorakkan sistem penyampaian perkhidmatan awam.

*iv. INSANIAH ‘Keseimbangan Rohani dan Jasmani’.*

Penjawat awam yang cemerlang adalah penjawat awam yang seimbang dari aspek spiritual ( kekuatan rohani) dan fizikal ( kekuatan jasmani).

v. ***KEKITAAN ‘Meraikan Perbezaan, Mengukuhkan Persamaan’.***

Berlandaskan semangat kekitaan atau camaraderie, semua agensi kerajaan perlu bergerak sebagai satu entiti, membuang mentaliti silo dan berkongsi sumber, pengetahuan serta kepakaran dalam menjayakan agenda transformasi negara.

vi. ***KERJASAMA AWAM-SWASTA-NGO ‘Perkongsian Sumber dan Kesepakatan’.***

Perkhidmatan Awam perlu meningkatkan kerjasama strategik dengan pihak swasta dan badanbadan bukan kerajaan (NGO) untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Justeru itu, saya ingin mengajak semua warga team KBS untuk berganding bahu dan berdiri teguh bersama kepimpinan tertinggi kementerian dalam memperkasakan agenda transformasi ke arah menjadikan KBS sebagai sebuah kementerian yang disanjung tinggi hasil usaha kita bersama dalam merakyatkan semua agenda pembangunan belia dan sukan sehingga ke peringkat akar umbi.

Bagi mencapai hasrat tersebut kita perlu meningkatkan kerjasama dalaman dan antara agensi dengan pelaksanaan program dibuat dengan cepat (*rapid execution*), berkos rendah (*low cost*) tetapi memberikan impak yang tinggi (*big impact*). Sementara, bagi meningkatkan budaya kecemerlangan dalam organisasi, warga Team KBS adalah disarankan dan diseru untuk

mengamalkan budaya kerja yang semestinya menuntut kecekapan dan kepentasan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab.

Secara umumnya saya menyedari bahawa dalam usaha untuk melaksanakan transformasi ini ia memerlukan pengorbanan yang besar daripada semua warga team KBS. Namun yakinlah bahawa Kementerian tidak pernah sesekali mengabaikan kebajikan warga Team KBS. Saya sentiasa cuba memastikan agar pembangunan kerjaya bagi jawatan-jawatan di Kementerian ini ditambah baik dari semasa ke semasa. Ini bertujuan bagi memberikan peluang kemajuan kerjaya kepada pegawai dan kakitangan di Kementerian ini terutama kepada pegawai dan kakitangan yang kompeten dan berpotensi.

Melalui penstrukturkan semula organisasi yang telah dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), KBS telah memohon supaya laluan kerjaya bagi warga KBS dikaji semula supaya semua warga Team KBS mempunyai laluan kerjaya dan peluang kenaikan pangkat yang cerah. Secara tidak langsung, saya berharap agar perkara ini dapat memberi motivasi untuk pegawai dan kakitangan di Kementerian ini untuk terus berkhidmat dengan cemerlang di Jabatan, Agensi atau Bahagian masing-masing.

Akhir kata, saya berharap semoga semua warga Team KBS dapat berganding bahu menghadapi dan mengurus dengan yakin apa jua rintangan yang merintangi usaha-usaha kita bagi terus menghadapi cabaran-cabaran masa hadapan untuk merealisasikan impian Malaysia

sebagai negara besar (*great nation*) yang mampu merubah minda dan kerangka pemikiran setiap warga dalam melakar landskap baru Sektor Awam negara yang lebih gemilang.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.